



Multaqa Petugas Jamaah 2020

Multaqa Petugas Jemaah WADAH, ABIM, PKPIM dan agensi 2020 berjaya diadakan pada 7 Mac 2020 di Hotel D'Gateway, Bandar Baru Bangi. Perhimpunan tahunan staf jemaah ini adalah untuk menyuntik motivasi dan aspirasi, menyatakan misi dan hala tuju jemaah dan agensi dengan mempersempah deklarasi gerak kerja tahun ini. Selain itu memberi penghargaan kepada staf yang berkhidmat lebih dari 10 tahun (Jaizah Takrim), 20 tahun (Jaizah Tasyrif), 25 tahun (Jaizah Tasdiq), 30 tahun (Jaizah Tahqiq), di atas komitmen dan kesetiaan berkhidmat kepada jamaah dan agensi. Tidak ketinggalan staf yang baru bersara (Jaizah Wafa') dan anugerah khas pencapaian staf di peringkat negeri dan antarabangsa juga diberikan pengiktirafan.



Presiden ABIM, Tn. Mohamad Faisal b. Abd. Aziz telah memberikan ucapan suntikan semangat kepada 230 orang petugas jemaah yang hadir. Pengurus MSK Prof. Dato' Dr Redzuan Othman, Tn. Hj. Ahmad Azam b. Abd. Rahman, Presiden WADAH Pencerdasan Umat dan Sdr. Ahmad Farhan b. Rosli, Presiden PKPIM dan ketua-ketua agensi hadir meraikan majlis tersebut. Semua agensi jemaah iaitu Kolej Dar Al-Hikmah, Yayasan Takmir Pendidikan, Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad, Global Peace Malaysia, Hospital Al-Islam, Sekretariat ABIM Pusat dan WADAH Pencerdasan Umat memberi ucapan deklarasi 2020.

Yayasan Takmir Pendidikan telah menyatakan deklarasi yang disampaikan oleh Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Yunos selaku Ketua Pengarah, YTP. Di antara isi kandungan deklarasi adalah seperti berikut:

- Menyedia dan melaksanakan kurikulum tarbiyah yang lengkap dan seimbang di antara pendidikan rohani, aqli, emosi, jasmani dan berketrampilan di peringkat asas, rendah dan menengah.
- Membangun dan menyelaras institusi pendidikan bersepada yang berkualiti nilai kasih sayang, amal jama'iy, harmonis dan semangat perjuangan yang kental melalui pewujudan pasukan sumber manusia yang kompeten dan nilai kasih sayang, harmonis dan semangat perjuangan yang jitu.
- Membina generasi khayra ummah yang bertaqwa, berketrampilan, relevan, penuh iltizam dan istiqamah dengan pendekatan melatih petugas dan guru agar mampu menyampaikan kurikulum lengkap yang dibina, serta memberi kefahaman kepada ibu-bapa tentang falsafah pendidikan al-Hikmah supaya dapat membantu mendidik di rumah masing-masing.
- Memperkasa sistem perkaderan selaras dengan Tanzim Harakiy dengan memastikan semua guru mengikuti Latihan Tata Jamaah dan para pelajar mengikuti program usrah dan tamrin.
- Membangun dan menyediakan kekuatan dana yang mantap sebagai asas kejayaan visi, dengan memperkasakan pengurusan kewangan dalam YTP dan institusi di bawahnya.

Empat orang pegawai kanan Yayasan Takmir mendapat anugerah iaitu En. Suhaili b. Husin (Timb. Pengarah Pentadbiran) di anugerahkan Jaizah Tahqiq (30 Tahun). Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman (Timbalan Pengarah Sekolah & Akademik) dianugerahkan Jaizah Tasdiq

(bersambung di mukasurat 2)

Meja Editor

Kita dikejutkan apabila mendengar berita penyakit Covid-19, akibat penularan coronavirus di Wuhan China yang menyebabkan kematian beribu-ribu penduduk. Selepas keadaan Covid-19 reda di China, didapati penyakit ini telah menular hampir ke seluruh dunia termasuk negara kita Malaysia. Kini kematian disebabkan wabak Covid-19 seluruh dunia telah meningkat kepada 780,508 kes, kematian 36,800 (4.71%) sehingga 31 Mac 2020, manakala di Malaysia sebanyak 2,766 kes dengan kematian seramai 43 orang (1.55%), (sumber: Kementerian kesihatan Malaysia).

Berdasarkan pengalaman di China, salah satu cara untuk mengekang penularan wabak Covid-19 ini adalah dengan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana semua rakyat/penduduk sesebuah negara itu diperintahkan duduk di rumah (*Stay at Home*) untuk tempoh tertentu. Bagi Malaysia fasa pertama PKP ialah 18-31 Mac 2020 dan diteruskan fasa kedua 1 April hingga 14 April 2020.

Apabila berlaku PKP ini semua aktiviti sosial, ekonomi, keagamaan seperti solat Jumaat/berjemaah dan sebagainya yang mana terdapatnya pertemuan dan perkumpulan manusia adalah diberhentikan. Akibat PKP ini, semua institusi terpaksa ditutup seperti sekolah, pejabat, kilang, perniagaan, sektor perkhidmatan kerajaan/swasta kecuali sektor kesihatan dan keselamatan. Akibatnya pekerja-pekerja akan kehilangan pekerjaan/ belaku pemotongan gaji kerana mereka tidak bekerja sepanjang tempoh PKP. Mereka yang bekerja dengan gaji harian dan peniaga-peniaga kecil seperti pasar malam dan sebagainya telah terputus pendapatan mereka. Ini akan menimbulkan masalah sosial terutama apabila mereka tidak cukup makan.

Pihak kerajaan juga terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk membeli peralatan kelengkapan untuk pesakit-pesakit Covid -19 ini, dan pelbagai perbelanjaan yang berkaitan dengan usaha-usaha untuk menghentikan penularan wabak Covid -19 sedangkan ekonomi negara menguncup kerana kebanyakan kegiatan ekonomi tidak aktif.

Bagi pelajar-pelajar yang terpaksa tinggal

di rumah, sepatutnya menggunakan masa yang banyak untuk mengulangkaji pelajaran dan boleh belajar secara on line yang dibimbing oleh guru masing-masing. Ini bagi memastikan bahawa mereka terus dapat belajar walaupun dalam tempoh PKP dan tidak menjejaskan prestasi pembelajaran terutama mereka yang akan menghadapi periksaan awam dalam tahun ini.

Sesungguhnya Allah menurunkan Wabak Covid-19 adalah sebagai ujian dan peringatan kepada semua umat manusia supaya merenung kembali mengenai amalan masing-masing sama ada kita telah menuruti perintah Allah atau sebaliknya dalam kehidupan sehari-hari.

Dalam menghadapi situasi Wabak Covid -19 ini, kita hendaklah bersabar dan sentiasa mengikuti arahan-arahan pihak Kerajaan. Dengan kesabaran Insya Allah kita akan beroleh ketenangan dan Allah menyintai orang-orang yang sabar (Ali Imran :146). Selain itu kita jangan lupa untuk memohon keampunan Allah dengan membanyakkan beristighfar dan sentiasa berzikir kepada Allah. Marilah kita memohon dengan bersungguh-sungguh supaya diangkat wabak Covid -19 dari negara kita dan seluruh dunia. Mudah-mudahan kita mendapat keampunan Allah dan diberi kesembuhan kepada mereka yang mendapat jangkitan wabak Covid – 19 ini. Ameen.

Samian Mohd Ali



(sambungan dari mukasurat 1)

(27 Tahun), En. Mohd. Yusman Mohd Yusof (Eksekutif Bhg. Peperiksaan SPRA) dan Pn. Khairani bt Thanin (Timb. Pengarah TASKI) ke dua-duanya memperoleh



Jaizah Takrim (10 Tahun). Semoga kami dapat meneruskan usaha dan ikhtiar menggunakan seluruh potensi yang ada bagi memperkasa dan meningkatkan kualiti pendidikan jamaah besar kita pada



tahun 2020 ini dan mampu menghadapi cabaran semasa dan mendatang dalam menerajui Yayasan Takmir Pendidikan. Tn. Hj. Ahmad Azam Abd. Rahman, Tn Hj. Abd. Halim Ismail dan En. Mohd. Halimi juga menerima anugerah Jaizah Tasdiq (25 tahun) yang disampaikan oleh Prof. Dato' Dr. Redzuan Othman, Pengurus Majlis Syura Kebangsaan.

Laporan : Nur Jannah Keman

MAJLIS JASAMU DIKENANG



Sempena Majlis MPYTP pada 4 Februari 2020, Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan di Tok Ayah Garden, Bangi untuk meraikan perkhidmatan terakhir Tn. Hj. Abd. Rahman Yasin sebagai Ketua Pengarah, Yayasan Takmir Pendidikan sejak tujuh (7) tahun yang lepas. Sambutan yang agak sederhana dan santai dihadiri oleh semua ahli majlis Pengetua dan Guru Besar SERI/SEMI seluruh Malaysia, pegawai YTP, Kolej Dar Al-Hikmah, pengurusan SERI/SEMI Sg. Ramal dan Tahfiz di Lebah Klang. Selama memegang portfolio KP, YTP, Tn. Hj. Abd. Rahman b. Mohd. Yasin telah meningkatkan pengurusan pentadbiran, kewangan YTP dan menyelaraskan pengurusan sekolah dan TASKI. Beliau telah memacu Pendidikan Al-Hikmah agar perlaksanaan dapat dilaksanakan di sekolah.

Di malam yang penuh bermakna itu juga majlis meraikan ‘Jasamu Dikenang’ Tn. Hj. Idris b. Mahmud yang telah menamatkan perkhidmatan sebagai Pengetua Sek. Men. Sains Tahfiz, Alor Setar, Kedah (SEMESTI) pada Disember 2019. Beliau banyak menyumbang membangunkan SEMESTI dan imej SEMESTI hingga mewujudkan program pra universiti (Ting. 6) dan STAM serta mewujudkan modul “Mencari Daie Unggul” (Madu) untuk mencipta keunikan sekolah tersebut. Berpengalaman luas dalam bidang pendidikan sebagai Mantan Pengarah IAB Utara telah mencurahkan khidmat bakti sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Maahad Taufiqiah Behrang, Behrang Perak selama dua tahun dan menyambung khidmatnya di SEMESTI dan komitmen dengan Wadah negeri Kedah.

Laporan : Nur Jannah Keman

MAJLIS PENGURUSAN YAYASAN TAKMIR PENDIDIKAN

Majlis Pengurusan, YTP (MPYTP) telah diadakan pada 4-5 Februari 2020 dengan jayanya di Dewan Seminar, Yayasan Takmir Pendidikan, Bandar Baru Bangi. Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Yunos, buat julung kali mempengerusikan majlis ini dan memberikan pernyataan hala tuju Yayasan Takmir dan sekolah. Pengarah-pengarah Bahagian, YTP membentangkan agenda dan laporan aktiviti/program YTP untuk tahun 2020 dan ahli majlis melaporkan perkembangan terkini dan kemajuan sekolah masing-masing. Manakala tuan rumah IKSA Kali Ke-XX melaporkan progres perjalanan IKSA.



Slot Khas diisi oleh Tn. Hj. Ahmad Azam b. Abd. Rahman (Presiden WADAH Pencerdasan Umat Malaysia) yang menyentuh tajuk Memperkuatkhan Khittah Perjuangan. Beliau mengesa agar sekolah perjuangan yang kita bina dapat melahirkan pemimpin-pemimpin bertaraf dunia untuk mengembalikan Islam dan memimpin khyara ummah seperti mana kejayaan khilafah Uthmaniah di Turki yang lalu dan kita harus bersiap-siaga untuk mengembalikan kegembilan tersebut seperti yang telah diperingatkan oleh Mujaddid Badiuzaman Syed Nursi melalui hadis nabi S.A.W ‘ Islam akan bangkit semula di setiap awal 100 tahun, seseorang akan memperburui agama ini.’ Diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daawud As-Sijiistaaniy: Telah menceritakan kami Sulaiman b. Daawud Al-Mahrij, telah menghabarkan kepada kami Ibnu Wahb, telah menghabarkan kepadaku Sa’iid b. Abi Ayyub, yang mana aku mengetahuinya dari Rasulullah s.a.w beliau bersabda, “Sesungguhnya Allah akan membangkitkan untuk umat ini di setiap awal 100 tahun, seseorang yang akan memperburui agama ini.”

Laporan : Nur Jannah Keman

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL IKSA



Mesyuarat JK Teknikal IKSA telah diadakan pada 28-29 Januari 2020 di pejabat Yayasan Takmir Pendidikan untuk memperincikan persiapan IKSA yang melibatkan budget terkini, syarat pertandingan, penginapan, makanan, buku cenderamata, hadiah dan logistik. Lawatan tapak di Kompleks pendidikan Al-Hikmah, Sg. Ramal, Kajang, Selangor diadakan juga pada hari ke dua.

Laporan : Nur Jannah Keman

BENGKEL PROJEK SIRAH DALAM SPRA

Pada 19 Februari 2020, seramai 50 orang guru dari Seri dan Tahfiz seluruh negara berbengkel di pejabat Yayasan Takmir Pendidikan ABIM, Bandar Baru Bangi untuk menjayakan projek sirah dalam SPRA. Bengkel ini dilaksanakan bagi tujuan memberi pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan guru melaksanakan bengkel mata pelajaran sirah yang merupakan sebahagian penting komponen Sijil Penilaian Rendah Agama format baru.



Bermula 2020, YTP melaksanakan SPRA format baru bagi penilaian sekolah rendah Islam dan Tahfiz ABIM

serasi dengan amalan pendidikan al-Hikmah yang memberi fokus pembinaan karakter berdasarkan nilai dan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah yang mengutamakan pertumbuhan murid. Pentaksiran ini meliputi komponen peperiksaan bertulis dengan pemberatan 50%, Lisan 30% dan projek sirah 20%.

Bengkel sehari suntuk ini dikendalikan oleh Pn Hjh Rohana Kamaruddin, Pengarah Strategi dan R&D. Melalui bengkel ini beberapa contoh soalan projek dihasilkan sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan projek Sirah pada pertengahan 2020. Turut hadir sama adalah Tn Hj Mohd musleh Yunus, Hj Khailani A Jalil dan Pn Nur Jannah Keman.

Laporan : Mohamad Khailani Jalil

YAYASAN TAKMIR PENDIDIKAN KE UMMUSSHABRI INTERNATIONAL CAMP AND EXPO IX 2020

Pada 12 Januari 2020, Yayasan Takmir Pendidikan telah menerima undangan daripada Yayasan Ummusshabri, Kendari di Sulawesi Tenggara untuk menyertai International Camp and Expo IX 2020. YTP yang diwakili oleh Tn Hj Abd Rahman Yasin (Mantan Ketua Pengarah) dan Muhamad Khailani Abdul Jalil Pengarah Sekolah dan Tahfiz) telah mengikuti seluruh acara selama 5 hari. Antara acara yang melibatkan penyertaan YTP termasuklah perasmian gelanggang sukan serbaguna, Seminar keunggulan sekolah swasta, jalan sihat, menyaksikan pertandingan kokurikulum



akademik dan perkhemahan pelajar.

Program perkhemahan di Yayasan Ummusshabri ini dilaksanakan setiap tahun melibatkan seluruh warga Yayasan Ummusshabri termasuk ibu bapa, alumni dan komuniti setempat. Kemuncak penyertaan adalah pada acara jalan sihat di mana penganjur berjaya menghimpunkan seramai 10,000 penyertaan.

Laporan : Mohamad Khailani Jalil

LAWATAN MUHIBAH YAYASAN TAKMIR PENDIDIKAN KE MAAHAD TARBIYAH ISLAMIAH DERANG

Pada 12 Februari 2020, Yayasan Takmir Pendidikan yang diwakili oleh Hj Mohd Musleh Yunus (Pemangku Ketua Pengarah), Sdr Khailani A Jalil (Pengarah Sekolah & Tahiz) dan Ust Mohd Naim Mohd Noor) telah mengadakan inisiatif membuat kunjungan khas ke Maahad Tarbiyah Islamiah Derang (MTID). Kunjungan dilakukan atas beberapa tujuan; Antaranya adalah menghubungkan semula silaturrahim yang sudah agak lama terputus terutama selepas kematian Ustaz Nikmat Yusuf, meneliti sisi-sisi kekuatan MTID khususnya dalam pembinaan aspek kerohanian dan perkaderan. Kedua-dua pihak bersetuju untuk melakukan susulan dengan mengadakan kerjasama secara timbal balik yang akan dimeterai melalui MoU.



Turut hadir dalam perbincangan awal YTP-MTID adalah Sheikh Abd Majid Abu Bakar, (Mudir Am MTID), Ustaz Abulkhair Ayub (Tim Mudir Am MTID), Ust Hassan Albana, Ust Bilal, Ust Khairul Anuar, Ust Kamaluddin Abd Majid dan Dr Amir Mohd Nason.

Kunjungan khas pimpinan YTP mendapat sambutan hangat daripada pimpinan MTID, diikuti dengan lawatan ke kelas dan kedai buku. Majlis diakhiri dengan perhimpunan pelajar dengan pengisian oleh Dr. Amir Nason dan Mohd Naim Mohd Noor selaku alumni MTID.

Laporan : Mohamad Khailani Jalil

PERISTIWA



BENGKEL MINDA SIHAT DIBAWAH BIMBINGAN KAUNSELING SMI
DI SERI SEREMBAN (6 MAC 2020)



PROGRAM BRIGED BAKTI MALAYSIA, SERI AD-DINIAH DI CAMERON
HIGHLAND (21-23 FEBRUARI 2020)



MENERIMA KUNJUNGAN DARI SEKOLAH TADKA ISLAM NARATHIWAT, THAILAND KE YAYASAN TAKMIR PENDIDIKAN
(17 FEBRUARI 2020)



PEPERIKSAAN AKHIR KURSUS ASAS PERGURUAN (KAP) DI ALOR SETAR KEDAH
(1-3 FEBRUARI 2020)



SARAPAN AMAL DAN PENGISIAN JIWA OLEH DR. MUNIM
SOMBAT JITMOUD DI DATARAN AL-HIKMAH SERI SG.
RAMAL KAJANG
(16 FEBRUARI 2020)

PERISTIWA



PROGRAM AULADI - MENGHAFAZ DOA SELEPAS SOLAT DAN MENGHAYATI MAKNANYA (SRI JOHOR BAHRU) (12 MAC 2020)



PENYAMPAIAN CENDERAHATI KEPADA TN. HJ. RAHMAN SEBAGAI TANDA KENANGAN SEPANJANG PERKHIDMATAN BELIAU DI YTP SELAMA 7 TAHUN DI MAJLIS JASAMU DIKENANG (4 FEBRUARI 2020)



KEM BESTARI SOLAT TAHUN 1 DI SURAU SERI AL-UMMAH TAIPING ANJURAN JABATAN AD DINIAH (21 FEBRUARI 2020)



BENGKEL MARI MEWARNA BERSAMA UNEH DI DEWAN AL-HIKMAH SERI AL-UMMAH CHEMOR, IPOH (15 FEBRUARI 2020)



KEJOHANAN OLAHARGA KE-24 SERI ALOR SETAR, KEDAH (22 FEBRUARI 2020)



HASIL KARYA ANAK-ANAK 6 IBNU SINA SERI INDERA MAHKOTA PAHANG YANG MENYERTAI CABARAN MELUKIS POSTER BERKAITAN COVID-19 (7 APRIL 2020)

MUTIARA HIKMAH

Wahai anakku! Apabila engkau berteman, tempatkanlah dirimu padanya sebagai orang yang tidak mengharapkan sesuatu daripadanya. Namun biarkanlah dia yang mengharapkan sesuatu darimu.

(Lukmanul Hakim)

Sidang Redaksi

Penasihat

Hj. Mohd Musleh Yunus

Ketua Editor

Hj. Samian Mohd Ali

Timb. Editor

Hj. Mohamad Khailani Jalil

Editor Kerja

Hjh. Nur Jannah Keman

Suhaili Husin

Khairani Thanin

Mohd Fitri Amir Shoodi

Muhammad Afif Rahimi

Che Abd Fatah Che M. Nor

Syahirah Zamasry

Susunatur Grafik

Khairul Anuar M. Ariffin

Penerbit

Yayasan Takmir Pendidikan
No. 21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,
43650 Bandar Baru Bangi

Emel:

yayasantakmir@gmail.com

Tel: 03-89265853 / 03-89202308

Fax: 03-89201788

BRIGED BAKTI MALAYSIA

Yayasan Takmir Pendidikan telah mula aktif melaksanakan program Ko-Kurikulum beruniform Briged Bakti Malaysia (BBM). Kursus Kejurulatihan guru-guru pemimpin pasukan BBM Muda/Remaja (BBMR) telah diadakan pada 16-18 Januari 2020 di Kem BBM Gombak, Selangor. Seramai 26 orang peserta yang hadir dari SERI/SEMI seluruh Malaysia. Kursus ini untuk melatih guru kemahiran asas unit beruniform seperti kawad kaki, Pertolongan Cemas, Seni Ikatan Tali, melatih guru menjadi juru latih dan mengurus pasukan beruniform di sekolah dan membina perancangan program beruniform untuk tahun 2020 serta mewujudkan kebersamaan dalam kalangan jurulatih dan guru-guru pemimpin semasa mengendalikan modul BBMR. Kursus ini dibimbing oleh Pasukan Kejurulatihan Majlis Dasar Latihan Badan Beruniform dengan dibantu oleh tenaga pengajar profesional dalam bidang masing-masing. Majlis penutup kursus ini oleh Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Yunos, Pemangku Ketua Pengarah, YTP.



Diperingkat sekolah, SERI Ad-Diniah telah mendahului program BBM pada awal tahun 2020.



Perkhemahan Lanjutan BBM telah diadakan pada 21-23 Februari 2020 di Taman Eko Rimba, Sg. Pauh, Cameron Highland, Pahang. Program ini dihadiri oleh 50 orang pelajar dan 15 orang guru bertujuan untuk memantapkan pelajar dalam aktiviti BBMR seperti kawad kaki, pertolongan cemas, seni ikatan tali, membersihkan kawasan surau dan kawasan sekeliling di Taman Eko Rimba, latihan kendiri seperti memasak dan lain-lain pertandingan. Majlis Penutupan disempurnakan oleh Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman (Timb. Pengarah Sekolah & Akademik, YTP) dirangi oleh Sdr. Mohd. Fatah (Eksekutif, YTP). Pn. Hjh. Nur Jannah juga telah menyampaikan sijil dan hadiah kepada guru-guru dan peserta. Program ini wajar diteruskan untuk aplikasi kemahiran kesukarelawan dan cakna masyarakat, memperdaya disiplin, kerohanian dan ukhuwwah dengan menunjang nilai-nilai ke arah pembentukan karakter pendidikan Al-Hikmah.



Laporan : Che Abd Fatah

SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA – PENDIDIKAN PRA SEKOLAH TAHAP 3

Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) merupakan sijil kemahiran yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia. SKM merupakan antara sijil yang paling mudah untuk diperolehi kerana menggunakan konsep portfolio sebagai bukti keterampilan calon. Tempoh untuk memperolehi SKM ini hanya 3 hingga 4 bulan sahaja. Syarat kelayakan untuk memperolehi SKM juga sangat mudah iaitu calon perlu berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai pengalaman mengajar tadika sekurang-kurangnya 3 tahun ke atas.

Sehingga Mac 2020, pihak YTP telah menjelajah ke seluruh Malaysia mengikut zon/negeri untuk memberi taklimat dan bimbingan kepada semua guru yang berminat untuk mengambil SKM. Bermula Disember 2019 sehingga Mac 2020, pihak YTP telah mengadakan taklimat dan bimbingan di Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Kedah, Sabah dan Sarawak. Seramai 164 orang guru TASKI telah mendaftar dan menjalani proses bimbingan untuk memperolehi SKM yang dijangka akan selesai pada Mei 2020 untuk semua negeri.

Laporan : Syahirah Zamasry





Hj. Abd. Rahman Mohd Yasin

Dilahirkan pada pada 25 Februari 1953 di Kg. Parit Hj. Moin 2, Bagan, Batu Pahat, Johor dan merupakan anak kepada imam surau kampung. Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bagan dan juga Sekolah Agama Lelaki Bagan, Batu Pahat dan selalu mendapat keputusan cemerlang dalam pelajaran. Menyambung pendidikan menengah rendah di Sekolah Menengah Semerah, Batu Pahat hingga tingkatan 3 (1965-1967) dan melanjutkan pelajaran ke Sekolah Alam Shah (SAS), Kuala Lumpur hingga ke Tingkatan Enam Atas (1968-1971). Seterusnya menyambung pelajaran ke Fakulti Sains di UKM dan lulus B. Sc. dengan kepujian (1972- 1976). Pada tahun 1976 bertugas di MARDI dan menyambung pelajaran ke University of Aberdeen, Scotland dan memperoleh Ijazah M Sc dalam bidang Animal Nutrition (1978), memperoleh Diploma Pengajian Islam dari UKM (1982) dan Diploma Penterjemahan (Teknikal) pada tahun 1987. Aktif dalam ABIM (1976-2005) dan aktif dalam beberapa jawatankuasa seperti JK Pendidikan, JK Pelaksana Tamrin dan JK Perancangan. Berjinak dengan program dakwah secara serius berlaku apabila menyertai program Latihan Angkatan Pendakwah Pelajar Islam Malaysia (LAPPIM) anjuran Perastuan Mahasiswa UKM (PMUKM) dan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) pada tahun 1974.



Bertugas di MARDI pada Mac 1976, mula berusrah di Petaling Jaya bersama-sama Ustaz Abdullah Abdul Wahab, Ustaz Mokhtar Shafiee dan Ustaz Siddiq Fadzil sebagai naqib. Menjadi ahli ABIM dengan nombor ahli 11917. Menubuhkan ABIM Unit MARDI dan dilantik sebagai pengurus pada penghujung 1976. Pada masa yang sama, dilantik sebagai AJK Biro Pendidikan ABIM yang diketuai oleh sdr Othman Bakar, pensyarah matematik UKM yang juga merupakan rakan seusrah. Pertama kali menghadiri Muktamar Kebangsaan ABIM di Kolej Islam Kelang pada 1977. Semasa menyambung pendidikan di peringkat M Sc di University of Aberdeen, Scotland pada Ogos 1977 hingga Januari 1979 aktif dalam Islamic Society dan menjalankan usrah di kalangan pelajar Melayu di Aberdeen. Setelah tamat pengajian pada Januari 1979 tinggal di Subang Jaya. Dan berusrah di bawah ust Razali Nawawi. Aktif dalam Persatuan Kebajikan Islam MARDI (PKKIM).

Pada 1981, berpindah ke rumah sendiri di Semenyih dan sekali lagi berusrah bernaqbikan Ust Siddiq Fadhil. Pada 1983 berpindah ke Bandar Baru Bangi dan bergerak aktif dalam Penerapan Nilai-nilai Islam MARDI bersama sdr Mohd. Yunus Aminuddin dan sdr Hamdan Abd. Manap (Allah yarham) melaksanakan program seperti Seminar Penerapan Islam Dalam Sektor Pertanian, kolokium, seminar dalam isu pertanian tertentu seperti perniagaan tani, sosiologi, ekonomi, penyelidikan dan pengembangan pertanian turut diadakan. Dalam masa yang sama kami terlibat dalam program penerapan Nilai-nilai Islam di peringkat Kementerian Pertanian yang ketika itu menterinya ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim. Di sepanjang tahun 1983-1989, diamanahkan sebagai setiausaha ABIM Daerah Hulu Langat dan juga AJK Pelaksana Tamrin ABIM Pusat. Dalam tempoh inilah silibus tamrin digubal dengan lengkap dan menjadi asas kepada penerbitan Sukatan Tamrin ABIM di peringkat Pusat, Negeri, Daerah dan Unit.

Selaku setiausaha ABIM Daerah Hulu Langat banyak aktiviti yang diselaraskan. Terdapat 16 kumpulan usrah lelaki dan 7 kumpulan Helwa yang diadakan secara mingguan dan usrah gabungan setiap tiga bulan, usrah nuqaba' setiap dua minggu, kelas tafaquh Fiddin setiap bulan, Tamrin peringkat unit, daerah, negeri dan pusat, program dakwah di kalangan banduan Penjara Kajang serta beberapa kegiatan ekonomi seperti kedai runcit, kilang membuat mi dan jualan buku. Bilangan TASKI yang diselaraskan juga berjumlah 10 buah.

Pada awal 1990 memegang jawatan setiausaha ABIM UK dan juga setiausaha Malaysian Islamic Study Group serta aktif dalam Islamic Society of Newcastle dan masjid universiti serta menjadi naqib kepada kumpulan usrah ABIM Newcastle & Durham. Semasa kembali bertugas di MARDI pada tahun 1994, menjadi setiausaha Persatuan Kebajikan Islam An Nuur (PKIAN) di karya An Nuur, Bandar Baru Bangi (1994-2011) dan Pengurus PKKIM (2002-2006). Dalam jamaah, selain menjadi naqib usrah, memegang jawatan Pengurus Lembaga Pengarah Tafhim Sdn. Bhd. (1998-kini), Setiausaha WADAH Negeri Selangor (2006-2010). Selepas bersara dari MARDI, dipertanggungjawabkan sebagai Timbalan Ketua Pengarah (2013) dan Ketua Pengarah Yayasan Takmir Pendidikan (2014-2019)

Di sepanjang tempoh kerjaya, telah menulis lebih 100 artikel saintifik, pengarang bersama 7 buah *coffee-table book* dan 4 buah buku lain. Juga menulis lebih 50 artikel dan makalah lain dalam majalah dan ensiklopedia sains dan teknologi. Selain itu, menjadi JK Istilah di peringkat MARDI, kebangsaan dan MABBIM dalam bidang sains penternakan. Bernikah 1 November 1975 dengan Dr. Halimah Abdullah Sani, pensyarah UKM dan aktivis jamaah dan kini mempunyai 5 orang anak dan 6 orang cucu.

Laporan : Suhaili Hussin

Mengenali Sekolah

MADRASAH UTHMANIAH (ABIM), GELUGOR, PULAU PINANG



Madrasah Uthmaniah (ABIM) ditubuhkan pada tahun 2003 dan didaftar secara rasmi dengan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada 2009. Nama madrasah diambil bersempena nama pewakaf tanah iaitu Almarhum Tuan Haji Osman Omar seorang pimpinan ABIM Negeri yang sangat komited dalam memberi infaq sehingga mendapat pengiktirafan daripada ABIM Pusat sebagai Tokoh Abdul Rahman Al Auf pada tahun 2007. Nama Uthmaniah juga dipilih sebagai usaha mengembalikan kegembilan Khilafah Uthmaniah.

Madrasah ditubuhkan hasil Resolusi Bengkel Perancangan 10 Tahun Institusi Pendidikan ABIM Pulau Pinang pada 3 dan 4 Ogos 2002 selaras dengan aspirasi pimpinan ABIM Negeri dan Pusat ketika itu yang ingin memperkasakan agenda dakwah melalui bidang pendidikan yang bersepada.

Madrasah Uthmaniah bermula dengan menawarkan program Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) pada tahun 2003, Kelas Al Quran dan Fardhu Ain (TAHFIZ) pada tahun 2004, Akademi Pengajian Islam (APIM) pada tahun 2005, Sekolah Rendah Islam (SERI Mutiara) pada 2009 dan Weekend Islamic School (WIS) pada tahun 2011. SERI Mutiara merupakan SERI yang pertama melaksanakan program Tahfiz dan Akademik di peringkat rendah yang bermatlamat melahirkan para cendiakawan yang mempunyai asas menghafaz Al Quran. Madrasah Uthmaniah berbangga kerana berupaya menawarkan konsep pendidikan sepanjang hayat di mana semua peringkat umur berpeluang mendapat ilmu dari kewujudannya. Hampir 400 pelajar dan 32 orang asatizah terlibat dalam semua pakej pendidikan yang ditawarkan. Selain warga negara, pelajar Madrasah juga datang dari berberapa buah negara luar dimana ibu bapa mereka merupakan mahasiswa di Universiti Sains Malaysia dan ada juga yang bekerja di sektor swasta.



mau pun luar negara. Keyakinan masyarakat tempatan terhadap keupayaan Madrasah Uthmaniah mendidik anak bangsa melalui Falsafah Pendidikan Al Hikmah juga telah menarik perhatian banyak pihak sehingga dapat beroperasi di sebuah kompleks yang tersergam indah di kampus baharu Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Laporan: Suhaili Hussin



Ibrah COVID-19 & Ramadhan

Pelbagai perspektif sudah diungkapkan oleh banyak pihak berkenaan ibrah atau iktibar yang boleh diambil dari musibah besar yang melanda dunia ini sejak muncul covid-19 beberapa bulan yang lalu. Tidak pernah terbayang oleh kita gelombang sebesar ini betul-betul mengancam nyawa manusia, memburu manusia di mana-mana, bahayanya menjejak manusia merentas benua, tiada sejarah sepanjang kewujudan manusia di alam ini pernah mencatat bahaya sebesar ini, hatta gempa, banjir, tsunami, gunung berapi, jerebu dan lain-lain wabak hanya sekadar bersifat lokaliti, paling tinggi melibatkan 3-4 negara seperti jerebu, letusan gunung berapi dan tsunami, namun bahayanya masih minimum berbanding covid-19. Bahana kedatangannya merencatkan seluruh aktiviti manusia dari pergerakan sebesar-besarnya seperti kapal terbang sehingga sekecil-kecilan seperti pergerakan manusia, semuanya terpaksa dihadkan, padahal Covid-19 yang ditakuti itu tidak dapat dilihat dengan mata kepala kerana halus dan kecilnya tubuh virus tersebut.

Ini mengingatkan kita pada beberapa firman Allah yang menyatakan sekecil apa pun dosa atau amalan baik kita pasti akan dinilai di sisi Allah malah akan dihadirkan ke pengadilan. Mari kita teliti firman Allah yang di catat melalui lisan Luqman al-Hakim ketika menasihati anaknya:

"Wahai anakku sayang, ketahuilah bahawa jika ada satu amalan sekecil biji sawi yang hitam, dan ia tercampak di atas sebuah batu hitam, atau hilang diterbangkan dilangit luas atau hilang dipermukaan bumi terhampar ini, pasti ia akan didatangkan oleh Allah untuk dihisab, kerana Allah taala Maha Latif, amat halus dan terperinci penelitiannya, dan Maha Khabir, sangat mengetahui apa sahaja yang berlaku di alam ini." (Mafhum ayat 16, Surah Luqman).

"Dan Allah swt maha mengetahui apa sahaja di langit dan di bumi.." (At-Taghabun : 4)

Jadi sekecil apa pun yang berlaku di atas muka bumi ini adalah dalam pengetahuan ilahi, di dalam pentadbirannya, malah tidak pernah terlepas dari kehendaknya. Mari sama-sama kita teliti beberapa ibrah yang sempat di senaraikan:

1. Ketahuilah bahawa kerosakan dan pencemaran wabak ini adalah hasil dari tangan manusia sendiri, banyak laporan dipaparkan kepada kita, Covid-19 ini datang dari Pusat Kajian Virus di Wuhan, bukan dari pasar haiwannya.
2. Di dalam surah Ar-Rom: 41, Allah taala telah mengingatkan kita bahawa apabila tangan-tangan manusia melakukan kerosakan di daratan dan lautan, pasti mereka akan dikenakan akibat dari perbuatan mereka, dengan harapan mereka tidak mengulanginya lagi.
3. Biar semua aktiviti besar atau kecil terhenti, semuanya disekat dan diblok namun pintu Allah sentiasa terbuka untuk kita bermunjat dan bertaqarrub dengannya.
4. Sebelum ini ketika sibuk bekerja, banyak alasan kita untuk tidak tambah ibadat yang biasa kita buat, kali ini bila banyak kelapangan dan adakah ibadat kita bertambah? atau ia sama sahaja ketika tiada PKP? Firman Allah, "bawaklah bekalmu, sebaik-baik bekal adalah taqwa."
5. Pejam celik-pejam celik Ramadhan sudah diambang, para syaitan belum diikat, malah kita sebulan lebih awal diikat, semoga kita lebih kuat dapat mengawal nafsu kita ketika hadapi Ramadhan kerana sudah sebulan lebih awal lalui tarbiah jiwa.
6. Ramadhan sebelum ini kita sering mengharapkan pihak masjid mengaturkan sesi ibadat untuk kita, jika hilang khusuk, imam baca panjang, budak-budak bising dan lain-lain kita akan tuding jari pada pihak ajk masjid, kali ini Allah taala beri peluang untuk kita urus sendiri ibadat kita dirumah, manfaatkan ia agar menepati selera iman kita bukan ikut selera nafsu kita.
7. Inilah kali pertama kita dapat kecapa Ramadhan tanpa kesibukkan kerja dan tugas-tugas luar (yang bukan frontliners), siapkan plan ibadah kita melebihi aktiviti yang lain, letaklah dalam jadual kita zikir, istighfar, baca Quran, doa, sedekah, solat-solat sunat, qiyam, terawih dan lain-lain melebihi waktu makan, tidur, menonton tv, berborak kosong, melayan sosmed, kerana waktu ibadah kita sudah lama tidak menjadi keutamaan kita dalam kehidupan kita sebelum ini.
8. Kekurangan gangguan luar akan lebih membantu kita mencari kekhusukan, ketenangan dalam ibadah kita, ketika solat jangan abaikan kesedaran bahawa kita sedang mengadap Allah, sedang membina hubungan denganNya, sedang memperhambakan diri padanya, ketika baca Al-Quran kita harus sedar kita sedang berintraksi dengan Allah melalui kalamNya, harus faham apa mesej yang disampaikanNya, harus mendalami maklumat jika tidak jelas mesejNya, ketika berzikir harus sedar apa lafadz yang sedang dizikirkan, apa implikasi hati kita dengan lafadz yang dizikirkan, begitulah seharusnya kita menanggapi setiap ibadah kita dengan penuh sedar, faham dan dilakukan dengan sepenuh hati, barulah akan mendapat natijah yang disebutkan oleh Allah swt : (Ketahuilah bahawa dengan zikir kepada Allah, hati-hati akan mendapat ketenangan) Surah Ar-Raad : 28.

Cukuplah sedikit ibrah untuk renungan bersama, agar sisi positif lebih menyerlah dari sisi negatifnya, dengan kedatangan bulan Ramadhan yang di anggap sebagai bulan ibadat dan amal soleh, bulan pengampunan dan pengangkat darjat, bulan pembebasan dari api neraka dan anugerah ganjaran yang luar biasa, marilah sama-sama kita manfaatkan anugerah tahunan teragung ini agar tidak sia-sia. Sebagai penutup marilah kita hayati sepotong hadis yang maksudnya, "Alangkah ruginya seseorang yang menemui Ramadhan tetapi tidak mendapat pengampunan". (Riwayat Imam Muslim dan lain-lain dari Abi Hurairah). Semoga kita semua beroleh ganjaran-ganjaran yang disediakan dan ketaqwaan yang dijanjikan. sekian.

Ustaz Mohd Naim Mohd Noor